

Digantung tak bertali Emosi penduduk terseksa

Imbas kod QR
untuk tonton
video berkaitan.



IBARAT digantung tidak bertali. Itulah keadaan yang membelenggu penduduk di empat kawasan Perumahan Awam di Bandar Tun Razak yang melibatkan 5,600 penduduk yang telah dijanjikan rumah baharu melalui projek pembangunan semula yang dirancang sejak 10 tahun lalu masih lagi

menjadi tanda tanya.

Lebih memeritkan lagi, rumah yang didiami ketika ini pula semakin usang dan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) enggan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan membaiki kerosakan atas alasan mereka akan dipindahkan dan rumah

tersebut akan dirobohkan.

Rata-rata penduduk yang sudah bergelar warga emas sukar baginya merancang masa depan selain tiada keupayaan untuk membeli rumah baharu kerana sukar untuk mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan.

BERITA LANJUT DI MUKA 3

Arak: Dipolitik hingga mengelirukan

Oleh NAZWIN NAZRI

PADA dasarnya, garis panduan mengenai lesen minuman keras yang diperkenalkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah untuk mencegah gejala sosial dan kemudaratan yang sering berlaku.

Mana tidaknya, negara pernah digemparkan dengan beberapa insiden kemalangan meragut nyawa yang membabitkan pemandu mabuk, malah kejadian terbaru berlaku di Kilometer 4 Lebuhraya Kajang-Seremban (LEKAS), Kajang pada 27 November lalu.

Justeru, garis panduan baharu yang hanya dilaksanakan di Kuala Lumpur disifatkan sebagai tindakan tepat walaupun sedikit terlewat berbanding negara jiran, Singapura.

Namun disebabkan sesetengah pihak yang mengambil kesempatan demi kepentingan politik, garis panduan tersebut disalah anggap selain mengakibatkan kekeliruan kepada masyarakat.

Dek kerana itu, pelbagai persepsi negatif mula memenuhi laman sosial termasuk kenyataan daripada Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang, P Ramasamy yang kononnya usaha DBKL bertujuan menakutkan orang bukan Islam dan 'membunuh' peniaga kecil.

BERITA LANJUT DI MUKA 2

DBKL sertai undi Lembaga Pengarah Metropolis >> 4



Mahadhir senang dekati rakyat >> 15



Jet X 150, Jet 4 RX menanti peminat skuter tahun depan >> 17



Garis panduan arak bukan cabul hak tetapi didik generasi

Langkah kehadapan DBKL

DARI MUKA DEPAN

Oleh NAZWIN NAZRI
winwilayahku@gmail.com

GARIS panduan mengenai lesen minuman keras yang dilaksanakan di Kuala Lumpur sepatutnya dilihat dalam perspektif positif dan harmoni, bukan sebaliknya.

Presiden Persatuan Graduan Muda Malaysia (GRADUAN), **Lee Seang Hock** berkata, perkara itu juga tidak wajar dipolemikan kerana ia bertujuan untuk menyelaraskan waktu perniagaan selain menjadikan corak penjualan arak lebih teratur dan tertib sejajar dengan masyarakat Malaysia.



SEANG HOCK

Malah, tegas beliau, tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu juga sama sekali tidak mencabul hak atau kebebasan golongan bukan Islam kerana garis panduan serupa itu turut dilaksanakan di negara barat dan Singapura.

"Ia diadakan supaya tidak timbul masalah sosial dan sebagainya. Pengguna bukan Islam boleh mendapatkan minuman tersebut tanpa sebarang halangan.

"Saya lihat ini satu tindakan kedepan dan kemajuan di samping boleh mendidik generasi akan datang supaya pembelian minuman keras dilakukan di kedai yang telah dikhaskan," katanya ketika di-

hubungi *Wilayahku* pada Rabu.

Menurut Seang Hock, penetapan waktu jualan sehingga pukul 9 di kedai serbaneka juga adalah langkah yang bagus dan jika pengguna ingin mendapatkannya melebihi masa yang ditetapkan, mereka boleh berkunjung ke bar atau pub.

Mengulas tentang segelintir individu yang cuba mempolitikkan isu tersebut, ujar beliau, jika usaha kerajaan itu dalam perspektif positif, maka dia akan menjadikannya lebih harmoni.

Dalam pada itu, katanya, setiap perkara yang ingin diperbaharui atau diperkenalkan, kerajaan akan berhadapan dengan sedikit halangan terutama daripada pihak yang ingin mengambil peluang seperti mempolitikkannya. **W K**



MINUMAN keras dijual secara bebas di kedai-kedai serbaneka dan memudahkan remaja membelinya tanpa pengetahuan orang dewasa.

Bukan menakutkan non-muslim

GARIS panduan baharu mengenai lesen minuman keras yang diperkenalkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bukan diwujudkan untuk menakutkan orang bukan Islam di Malaysia.

Ia sebaliknya bertujuan untuk mencegah dan mengawal cara penggunaan supaya masalah sosial termasuk keganasan rumah tangga dan kematian yang disebabkan pemandu mabuk, dapat dikurangkan.

Pendakwah bebas, **Firdaus Wong Wai Hung** berkata, peraturan itu dilaksanakan supaya masyarakat tidak mempunyai akses mudah untuk mendapatkan arak.

Mengambil contoh ubat, ujar beliau, bahan kawalan tidak akan dijual di semua tempat kerana ia boleh mendatangkan mudarat jika disalahgunakan.

"Bila dikawal, itu bukan bermaksud kerajaan haramkan penjualannya tetapi supaya ia dapat dipantau.

"Dan jika peraturan itu diktakan membunuh peniaga kecil, bagaimana pula dengan mereka (pemandu mabuk) yang membunuh keluarga kecil?," katanya ketika dihubungi *Wilayahku* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian susulan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, P Ramasamy menyatakan garis panduan baharu DBKL itu seolah-olah menghukum peniaga kecil dan peruncit selain melepaskan hak orang bukan



FIRDAUS WONG (kiri) menyifatkan Ramasamy kurang memahami garis panduan baharu mengenai penjualan arak yang dikeluarkan DBKL.

Islam di Malaysia.

Mengulas lanjut, Firdaus Wong memberitahu, peniaga kedai runcit sepatutnya menjual barang runcit dan tidak ramai yang membeli arak atau alkohol di premis kecil.

"Arak bukan keperluan asas dan organisasi India sendiri mengakui mereka mempunyai masalah ketagihan yang mengakibatkan pukul isteri dan sebagainya.

"Jadi kalau kedai runcit, jual la barang runcit.. itu (arak) hanya sampingan sahaja. Tetapi kalau nak jual arak, tukar status kedai runcit kepada bar," tegasnya sambil menyatakan DBKL tidak menghalang untuk meminum tetapi perlu ikut peraturan.

Dalam pada itu, ketika

menjawab persoalan hak Perlembagaan orang bukan Islam, Firdaus Wong berkata, jika Ramasamy tidak mampu menghalang pembinaan kuil di merata-rata termasuk tanah kerajaan, dia tidak layak mempersoalkan undang-undang utama negara itu.

"Nasihat saya, jagalah Pulau Pinang dengan baik. Dia adalah Pengerusi Wakaf Hindu, bagilah nasihat supaya kuil-kuil Hindu tidak dibina di atas tanah orang.

"Kalau hendak kata ikut Perlembagaan, kenapa bina kuil tak ikut?," soalnya sambil menambah adakah dengan menyokong dan memuji Ketua Pengganas LTTE itu sesuai dengan Perlembagaan negara? **W K**

MIC syor kempen pemahaman garis panduan arak dilakukan

MIC Wilayah Persekutuan mengesyorkan supaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengadakan kempen pemahaman mengenai garis panduan penjualan arak bagi membetulkan persepsi dan kekeliruan yang berlaku pada masa ini.

Ketua Penerangannya, **D R Pala Kumaran** berkata, kekeliruan itu disebabkan masyarakat kurang faham selain terdapat segelintir individu yang cuba mengambil kesempatan dengan mempolitikkannya.

Beliau berkata, masyarakat perlu tahu bahawa arak bukan dihapuskan tetapi diseralaskan di tempat yang betul demi kesejahteraan penduduk selain bertujuan untuk menghalang kanak-kanak daripada meminumnya.

"Pemilik kedai runcit hanya mahu untung, mereka tidak kisah budak sekolah atau sesiapa yang datang membeli. Oleh itu, jika ia dijual di tempat tertentu, kawalan senang dilakukan.

"Kenyataan yang

dikeluarkan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang II, P Ramasamy boleh disifatkan sebagai tidak berasas.

"Ini kerana, remaja bawah umur turut terlibat dalam pengambilan arak murah yang dijual di kedai runcit," katanya sambil menambah harga jualan adalah RM12 bagi tiga botol.

Menurut Pala Kumaran, garis panduan tersebut juga merupakan langkah proaktif kerana selain pihak berkuasa tempatan, pasukan polis dan kastam turut dapat menguatkuasakannya kerana terdapat pangkalan data.

"Jika ada aduan arak tiruan atau haram dijual, pihak berkuasa dengan mudah dapat mengambil tindakan kerana terdapat pangkalan data premis jual arak," tegasnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, garis panduan baharu itu juga menepati suasana masyarakat majmuk di Malaysia kerana kedai arak tidak dibenarkan dibuka di lokasi yang tidak sepatutnya seperti sekolah atau tempat ibadat. **W K**



PALA KUMARAN

Sepatutnya siap serentak Razakmas 2

Oleh **AZLAN ZAMBRY**
azlanwilayahku@gmail.com

KEGEMBIRAAN 395 penduduk Perumahan Awam (PA) Seri Labuan yang menerima surat tawaran Residensi Razakmas 2 baru-baru ini serta bakal memasuki ke rumah baharu menjentik perasaan kira-kira 5,600 penduduk dari beberapa PA sekitar Bandar Tun Razak yang turut dijanjikan dengan projek yang sama.



MOKHTAR

Mereka juga terlibat dengan projek pembangunan semula yang melibatkan kawasan PA Seri Melaka, PA Seri Johor, PA Seri Pulau Pinang dan PA Ikan Emas masih menaruh harapan untuk menduduki rumah baharu ekoran rumah yang didiami semakin uzur dan tidak selesai.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Bertindak PA Taman Ikan Emas, **Mokhtar Yunus** berkata, penduduk di kawasan perumahan awam yang terlibat tertanya-tanya mengenai status terkini projek perumahan apabila ia terhenti

sejak tiga tahun lalu.

“Perjanjian asal yang telah dipersetujui oleh semua penduduk apabila dijanjikan pemaju, Retro Highland Sdn Bhd, anak syarikat SP Setia Berhad akan membina rumah dahulu tanpa perlu penduduk berpindah dan jumlah unit yang terlibat berpanduan senarai nama yang dikeluarkan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerusi hasil bancian yang dijalankan oleh persatuan penduduk di PA masing-masing.

“Bangunan yang berketeggingan 50 tingkat akan menempatkan rumah dan lot parkir, manakala harga yang ditawarkan kepada penduduk adalah RM28,000 dengan keluasan rumah kira-kira 850 kaki persegi dan ia sepatutnya diwujudkan siap bersama projek Residensi Razakmas 2 kerana rancangan pembangunan semula itu dibincang dan dilaksanakan serentak,” katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Mokhtar berkata, sejak daripada peringkat awal projek itu mahu dimulakan, beliau dan



KEADAAN rumah yang telah uzur dan rosak memerlukan penyelenggaraan daripada pihak DBKL bagi memastikan keselamatan penghuni di sini.

lima lagi Pengerusi Persatuan Penduduk PA sering dipanggil untuk bermesyuarat dengan pihak kerajaan.

“Untuk rekod, projek ini akan dibangunkan dengan dua fasa yang melibatkan PA Seri Melaka melibatkan enam blok, PA Ikan Emas dan PA Seri Pulau Pinang.

“Pembangunan Fasa Kedua pula melibatkan PA Seri Melaka melibatkan lapan buah blok, PA Seri Johor dan Rumah Panjang Ikan Emas.

“Malah, kami turut pernah menerima surat tawaran menduduki rumah yang disampaikan sendiri oleh bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor pada tahun 2012,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penduduk Seri Melaka, **Johan Said** berkata, pihaknya telah mendapat jaminan daripada Pengarah Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan (JPEP) DBKL

Zulkifli Muhammad bahawa projek tersebut akan disambung semula pada November atau selewat-lewatnya Mac 2021 bagi mengelakkan pemaju dikenakan denda lewat kerja.

“Apa yang menghairankan, sehingga kini tiada sebarang aktiviti di atas tapak malah pihak pemaju juga tidak menghubungi beliau ataupun mana-mana pengerusi persatuan penduduk untuk memaklumkan perkara tersebut.”

“Projek ini dimulakan semasa Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin menjadi menteri dan persatuan telah menyatakan persetujuan mengenai projek tersebut.

“Pada peringkat awal pihak pemaju hendak membina rumah transit dan penduduk akan ditempatkan di situ sebelum rumah yang dijanjikan itu siap.

“Apabila berlaku perubahan kabinet yang menyaksikan pertukaran Menteri Wilayah Persekutuan kepada Tengku Adnan, rumah transit tidak dibina sebaliknya pemaju akan membina rumah sehingga siap dan penduduk akan berpindah ke sana,” katanya. **W K**

Suara penduduk berasas - Rizalman

PROJEK pembangunan semula yang terbengkalai beberapa tahun telah menyebabkan penduduk berada di dalam dilema kerana berhadapan dengan masa depan yang tidak pasti.

Ketua Bahagian Tun Razak, **Datuk Rizalman Mokhtar** berkata, permintaan penduduk untuk membangkitkan semula perkara ini ialah sangat berasas kerana projek ini telah berlarutan hampir 10 tahun.

“Kebanyakan penduduk yang merupakan warga emas tertanya-tanya apakah nasib dan hala tuju projek ini adakah ia ingin dibatalkan atau diteruskan.

“Inilah sebab penduduk sedang mencari jawapan kerana pada saya ke-

resahan mereka sangat berasas kerana sebilangan besar daripada mereka telah bersetuju untuk kawasan ini dibangunkan,” katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Beliau berkata, apabila projek tersebut mahu dilaksanakan, pihak pemaju telah mengambil padang bola dan taman permainan dan telah ditutup.

“Penduduk terpaksa bersetuju atas alasan untuk menunggu projek pembangunan semula dan penduduk berhadapan dengan kesulitan apabila tiada kawasan untuk beriadah.”

“Pusat kegiatan masyarakat, tadika dan pusat sukan untuk kemudahan penduduk juga terpaksa dirobohkan dan kini kawasan itu menjadi sarang haiwan



PENGERUSI-pengerusi persatuan penduduk berbincang mengenai masa depan projek pembangunan semula yang terbengkalai sejak tiga tahun lalu.

berbisa yang boleh mengancam nyawa penduduk” katanya.

Rizalman menyeru kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menyelesaikan perkara tersebut secara tuntas demi menjamin nasib penduduk.

“Saya difahamkan, hampir 98 peratus penduduk telahpun bersetuju dengan projek tersebut dan banyak siri pertemuan telahpun dilaksanakan bagi men-

jayakan projek ini.

“Sepatutnya mandat dan persetujuan penduduk ini dapat membantu pihak pemaju dan DBKL melaksanakan kerja-kerja berkaitan dengan lebih pantas, namun ia berlaku sebaliknya,” katanya.

Tambahnya, kedua-dua pihak harus mencari jalan penyelesaian secara *once and for all* untuk membantu penduduk agar mereka boleh merancang masa depan dengan baik. **W K**

DBKL tidak selenggara rumah, dakwa penduduk

PERUMAHAN Awam (PA) yang bakal dibangunkan melalui inisiatif pembangunan semula menyebabkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak menjalankan penyelenggaraan dan pembaikan kerosakan atas alasan kawasan tersebut bakal dirobohkan.

Pengerusi Persatuan Penduduk Seri Pulau Pinang, **Mat Akhir Ibrahim** berkata, penduduk di semua

PA yang terlibat dengan projek tersebut merasa dianaktirikan apabila pihak DBKL tidak mahu membaiki kerosakan kawasan perumahan yang terlibat.

“Banyak aduan telah dikemukakan kepada pihak DBKL bagi menyelenggara kawasan rumah, namun mereka tidak melayani permintaan penduduk atas alasan kawasan itu mahu dibangunkan.

“Ada beberapa perumahan yang lantai serta jubin dinding telah pecah dan perlu diselenggara, namun DBKL tidak mahu membaiki kerosakan itu dengan alasan yang sama,” katanya.

Ujar Mat Akhir lagi, penduduk mahukan kepastian agar mereka dapat merancang masa depan dengan lebih baik.

“Sekiranya projek tersebut mahu diteruskan, pihak pemaju dan DBKL harus memberikan jaminan kepada kami agar mudah untuk kami merancang masa depan.

“Jika projek tersebut tidak dapat dilaksanakan, mereka perlu buang semula *hording* dan kembalikan padang permainan kepada penduduk dan melaksanakan penyelenggaraan dan membaiki kerosakan demi keselamatan dan kesejahteraan penduduk,” katanya. **W K**



MAT AKHIR